


ISSUE #04/4 SEPTEMBER 2024

GEMPAK.

WWW.GEMPAK.COM

WEEKLY EDITION



FINAS HIDUPKAN “War Room”

TANGANI ISU DIGITAL PIRACY

- Datuk Azmir Saifuddin Mutalib, CEO Finas





Jika sebelum ini kita berjuang memerangi cakera padat cetak rompak, kini kita bertarung pula dengan isu cetak rompak digital.

Isu ini tidak boleh dipandang enteng kerana ia memberikan satu impak yang besar kepada industri seni tanah air.

Kesannya bukan sahaja kepada produski filem, malah mereka yang bekerja di sebalik tabir juga terkena tempiasnya.

Menurut, Ketua Pegawai Eksekutif Finas, Datuk Azmir Saifuddin Mutalib, pada tahun 2020-2021, Malaysia sudah kerugian lebih kurang RM3 billion untuk penghasilan kandungan gara-gara isu cetak rompak digital ini.

"Saya rasa isu ini memang besar, kita tak boleh tutup sebelah mata.

"Bila FINAS, Kerajaan, produser, even Astro pun sudah melabur banyak dalam filem dan drama. Jadi kita dah melabur banyak cuma bila hasilnya dicetak rompak kehilangan keuntungan pun banyak.

"Saya difahamkan, Astro ada memberikan taklimat kepada FINAS dan beberapa agensi terlibat seperti MCMC dan Polis. Dikatakan pada tahun 2020-2021 sahaja, negara telah mengalami kerugian sebanyak 3 bilion untuk penghasilan kandungan disebabkan cetak rompak digital," ujarnya kepada Gempak.

Sementara itu, Azmir Saifuddin juga memaklumkan bahawa pihak FINAS kini menujuhkan kembali 'war room' bagi menangani isu digital piracy ini sebaiknya.

War Room tersebut adalah satu saluran buat penggiat seni untuk membuat laporan berkenaan kandungan mereka yang dicuri.

"Kita ada meeting berkala dalam setahun bersama Astro, MCMC, KPDKKK, Polis untuk menangani isu-isu begini.

"Kita juga ada tubuhkan satu war room, sebenarnya kita dah pernah tubuhkan pada tahun 2020, tapi kita reactivate balik digital war room, supaya mana-mana produser tempatan yang ada masalah ini boleh terus membuat aduan dan kita boleh ambil tindakan dengan kadar segera.

"Seperti tahun lepas kita telah menerima lebih 90 kes dan kita dah minta untuk Telegram terutamanya untuk turunkan pautan yang mempunyai kandungan-kandungan filem serta drama.

"Dan kalau di Shoppee pula bukan sahaja ada yang menjual digital box malah sekarang ada yang jual thumb drive yang mempunyai banyak kandungan karya tempatan jadi itu juga kita mengambil tindakan," katanya.

Azmir juga menyatakan antara usaha lain yang FINAS akan laksanakan adalah untuk memastikan anak-anak muda kini mencintai dan menyayangi kandungan-kandungan filem tempatan.

Menonton di saluran yang betul adalah kesedaran yang harus diberikan kepada mereka kerana apa yang dilakukan oleh orang industri bukan memakan bajet yang kecil namun jutaan ringgit.
- ASYRAF ROSLAN

Festival Filem Malaysia ke-33 Kembali, Ini Fakta Yang Anda Perlu Tahu!



Festival Filem Malaysia (FFM) merupakan festival filem bertaraf nasional yang dianjurkan oleh Kementerian Komunikasi menerusi FINAS untuk mengiktiraf kecemerlangan kualiti filem dan bakat kreatif pada tahun semasa.

Kali terakhir ia diadakan adalah pada tahun 2022 di Encore, Melaka dengan menyaksikan filem Spilt Gravy On Rice diangkat sebagai Filem Terbaik.

Tahun ini, FFM kembali untuk penganjuran kali ke-33 dan menyaksikan 30 kategori yang bakal dipertandingkan.

Tahun ini, FFM33 akan bersiaran secara langsung di Auditorium Seri Angkasa, Kota Media pada 7 Disember 2024.

1. Tema Emas FFM33

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas), Datuk Azmir Saifuddin Mutalib tema ini dipilih di mana 'emas' melambangkan sesuatu yang bernilai tinggi, berkualiti, dan memberikan impak yang besar, ciri-ciri yang kita impikan untuk setiap karya perfileman tempatan.

2. Bersiaran di Auditorium Seri Angkasa, Kota Media

Jika dahulu FFM pernah diadakan di lokasi seperti Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, Pusat Dagangan Dunia Putra, Auditorium Majlis Bandaraya Shah Alam, dan

Auditorium Tunku Puan Chik, Kompleks Penyiaran Tuanku Muhammad Sungai Gadut, Paroi, Seremban, Negeri Sembilan.

3. Anugerah Dokumentari Terbaik diperkenal semula

Ada 30 kategori yang dipertandingkan bagi FFM33 kali ini.

Namun penganjuran tahun ini, FINAS mengembalikan semula kategori 'Anugerah Dokumentari Terbaik' selepas lima tahun tiada dalam senarai pertandingan.

Anugerah tersebut dikembalikan disebabkan kerajaan ingin menghargai serta memartabatkan filem di Malaysia.

4. 100 penyertaan layak bertanding

Menurut Datuk Azmir Saifuddin Mutalib, 100 buah filem yang diterbitkan dari 1 Oktober 2022 hingga 30 Jun 2024 layak untuk menyertai pertandingan pada tahun ini.

Penyertaannya banyak kerana la merupakan lanjutan apabila festival filem tidak diadakan pada tahun 2023.

5. Dana RM500,000

Selain trofi dan hadiah wang tunai, pemenang bagi kategori 'Anugerah Filem Terbaik' bakal menerima dana sebanyak RM500,000 sebagai tanda sokongan dalam pembuatan filem di Malaysia.

4 Skandal Ahli Agama Ini Goncang Kepercayaan Awam

'Tunggang agama' sering digunakan untuk menggambarkan ahli agama, termasuk penceramah bebas atau pempengaruh dengan imej Islamik, yang terlibat dalam kes-kes jenayah dan skandal yang mengejutkan.

Bukan bermiat untuk merendahkan golongan agamawan, pendedahan mengenai isu seperti jenayah seksual dan penyelewengan derma awam yang dilakukan atas nama Islam diharap dapat memberikan pengajaran yang berharga kepada semua.

1.



Kes Gangguan Seksual Ebit Lew

Ebit Lew, seorang penceramah terkenal, didakwa atas 11 pertuduhan gangguan seksual terhadap beberapa wanita melalui aplikasi WhatsApp. Pada mulanya, ramai yang sukar mempercayainya kerana reputasi beliau sebagai dermawan dan agamawan, tetapi dakwaan ini semakin dipercayai setelah fakta kes dibentangkan di mahkamah.

2.



Kes Rogol Dai Syed

Dai Syed, seorang pendakwah, dijatuhi hukuman penjara 10 tahun dan tiga sebatan kerana kes rogor yang dilakukan lima tahun lalu. Walaupun ramai yang simpati terhadap dirinya dan keluarganya, mahkamah membuktikan kesalahan beliau dan mendapati beliau juga melakukan jenayah terhadap beberapa wanita lain.

3.



Jenayah Seksual PU Azman

PU Azman, penceramah yang terkenal dengan dakwah santai dan penuh humor, berdepan 12 pertuduhan jenayah seksual terhadap remaja berusia 16 dan 17 tahun. Kes ini telah merosakkan reputasi PU Azman yang sebelum ini dihormati, dan membuat ramai mempersoalkan integriti agamawan dari program realiti.

4.



Skandal Derma Awam Alif Teega & Aisyah Hijanah

Pasangan pempengaruh Islamik, Alif Teega dan Aisyah Hijanah, ditahan oleh SPRM kerana dipercayai terlibat dalam penyelewengan dana awam bernilai lebih RM3 juta. Skandal ini telah membongkar sisi gelap pasangan ini, sekali gus memberi amaran kepada masyarakat untuk lebih berhati-hati menyalurkan sumbangan atas nama agama.

Jangan Sekadar Kejar Populariti, Belajarlah Dari Khairul Aming



Dunia pempengaruh (influencer) telah berubah, menggantikan peranan selebriti tradisional seperti penyanyi dan pelakon yang dulu mendominasi. Kini, pempengaruh semakin berpengaruh dalam media sosial, menentukan gaya hidup, trend, dan pemikiran masyarakat.

Namun, seperti selebriti, dunia pempengaruh juga tidak terlepas daripada masalah. Drama kehidupan mereka sering menjadi bahan tontonan ramai, kadangkala berlebihan hingga sukar diterima. Pempengaruh sering terjebak dalam kontroversi, menimbulkan persoalan tentang siapa mereka sebenarnya.

Secara asas, pempengaruh ialah individu yang boleh mempengaruhi orang lain. Dari sudut pemasaran pula, mereka berfungsi sebagai alat untuk menjual produk atau perkhidmatan, berkat kredibiliti yang mereka bina di kalangan pengikut.

Walau bagaimanapun, ramai pempengaruh di Malaysia cenderung menjual sensasi kehidupan peribadi, bukan nilai sebenar. Mereka fokus kepada drama untuk mendapat perhatian, bukan kepada produk atau mesej positif yang sepatutnya mereka sampaikan.

Contoh yang jelas adalah kisah pasangan pempengaruh yang sering mengejutkan dengan plot twist kehidupan peribadi, terutama setelah berkahwin. Drama rumah tangga mereka menjadi bahan bualan ramai, dan mereka yang dahulunya dipuja, kini dikecam.

Ramai masyarakat sukar memahami apa sebenarnya sumbangan pempengaruh seperti ini. Gelagat mereka menyebabkan orang ramai keliru tentang tujuan sebenar pempengaruh, dan ini menimbulkan kritikan terhadap peranan mereka dalam masyarakat.

Namun, walaupun ada yang gagal, pempengaruh tetap menguasai dunia, bukan hanya di Malaysia tetapi di seluruh dunia. Pengaruh mereka sangat penting dalam dunia moden, tetapi hanya beberapa sahaja yang benar-benar memberikan teladan baik.

Salah satu contoh pempengaruh sejati ialah Khairul Aming. Bermula dengan perkongsian resipi masakan, beliau kini diiktiraf sebagai pempengaruh yang berjaya membawa nilai positif bukan sahaja di Malaysia, malah di peringkat antarabangsa.

Khairul Aming telah memperkenalkan masakan Malaysia kepada tokoh penting dunia dan terus diiktiraf hingga ke New Zealand. Ini membuktikan bahawa pempengaruh bukan hanya tentang populariti, tetapi tanggungjawab untuk membawa mesej yang baik.

Gelaran pempengaruh datang dengan tanggungjawab besar. Jangan hanya mengejar validasi, tetapi perlu ada ilmu, integriti, dan kualiti untuk memberi sumbangan yang bermakna kepada masyarakat. Barulah seseorang boleh menjadi pempengaruh sejati.



Pontianak 200KG mengisahkan tentang Kampung Terbalik yang menjadi mangsa serangan Pontianak Melati dan Pontianak Mewangi yang mencari makanan kerana sentiasa kelaparan.

Keadaan menjadi lebih huru-hara apabila penduduk kampung menyangka mereka adalah pontianak yang menghisap darah hingga menyebabkan ramai penduduk kampung koma.

Kemunculan Bilal, lelaki dengan muka ala Korea telah membuatkan Pontianak Melati dan Pontianak Mewangi jatuh cinta dan mula bersaing untuk menarik perhatian Bilal. Bagaimanapun keadaan masih belum reda dan penduduk kampung masih jatuh sakit disebabkan serangan pontianak.

Pontianak 200KG diarahkan oleh Shuhaimi Lua dan menampilkan Aya Amiruddin, Ropie, Niezam Zaidi, Wanns Ahmad dan penampilan istimewa dari primadona Ziana Zain.



Setelah 16 tahun, filem ikonik 'Duyung' akan kembali dengan sekuel, 'Duyung: Lagenda Aurora' yang bakal bermula penggambaran pada 13 September depan.

Menariknya, filem romantik komedi fantasi ini menampilkan pelakon Anna Jobling sebagai anak kepada Puteri (lakonan Maya Karin).

Filem bergenre komedi fantasi ini mengisahkan kemunculan semula Puteri yang memohon bantuan Jimmy untuk menyelamatkan anaknya Aurorayang telah ditangkap oleh kumpulan pukat tunda haram. Dashman, kekasih Aurora yang juga anak kepada Jimmy dan Aspalela, memulakan pengembaraan untuk menyelamatkan Aurora dari kawalan Dr Evo.

Filem yang akan diarahkan oleh pengarah Datuk Prof. Ts Dr. A. Razak Mohaideen turut menampilkan barisan pelakon utama iaitu Maya Karin, Saiful Apek, Ayie Floor 88, Yasmin Hani, Yassin Senario, Datuk Yusry Abdul Halim, Nadia Brian dan Kumpulan Zero.



Istimewa GMW Episod 101 Sempena Hari Malaysia! Meerqeen, Agy, Pok Ro Masih Dominasi Carta

Gempak Most Wanted memasuki tayangan ke 101 pada hari Rabu depan dan bakal membawakan episod khas sempena sambutan Hari Malaysia yang akan diraikan pada 16 September nanti.

Dalam episod ini, beberapa tetamu khas ditampilkan antaranya Tan Sri Ash yang popular menerusi konten perlumbaan sifut sedut dan kisah-kisah menarik di sebalik mural Keluang Man.

Sementara itu, carta mingguan GMW pula kembali didominasi oleh pelakon kacak Meerqeen menerusi kategori Selebriti Trending dan Pok Ro masih mengekalkan popularitinya dalam kategori Digital Creator Trending E-Sports.

Gempak Most Wanted menyenaraikan kandungan hiburan digital mingguan paling tular dari pelbagai platform media sosial setiap minggu.

Kandungan-kandungan ini dipilih berdasarkan pencalonan umum daripada orang awam dan jumlah undian daripada netizen di gempak.com/gempakmostwanted.

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO.

Undi calon Carta Mingguan Gempak Most Wanted kegemaran anda untuk peluang melayakkan calon carta mingguan ke Top 20 GMW Awards 2024.

Undian dibuka bermula Rabu, 11.00 malam sehingga Rabu minggu hadapan, 10.30 malam.

Untuk mengundi layari gempak.com/gempakmostwanted

Gempak Most Wanted merupakan sebuah rancangan carta interaktif mingguan memfokuskan segala yang trending, viral & sensasi di semua platform digital. Dihoskan oleh Amelia Henderson & Sean Lee.

Carta Mingguan Gempak Most Wanted

Undi carta mingguan Gempak Most Wanted sekoran dan tentukan Top 5 setiap minggu!

HANTARKAN PENCALONAN UMUM ANDA UNDI CALON BULAN OGOS SEKARANG!

CARTA MINGGUAN



Jom semak senarai pempengaruah dan selebriti paling trending di carta mingguan GMW.

Selebriti Trending

- Meerqeen
- Scha Elinnea
- Jazmy Juma
- Erysha Emyra
- Siti Khadijah Halim

Digital Creator Trending E-Sports

- Pok Ro
- Kambing Golek
- Thanuk Nukk
- Dibo
- Sekyss

Digital Creator Trending (Beauty/Fashion)

- Agy
- Sofea Shra
- Shahira Azlan
- Eima Safuan
- Tyra Kamaruzzaman

Digital Creator Trending (Lifestyle)

- Amin & Abid Othman
- Lynd Nakemu
- Sam Lim
- Nor Padilah
- Muqmin



Rai Kejayaan Cheah Liek Hou, Filem GOLD Ditayang Semula Di Pawagam

Meraikan jaguh badminton paralimpik negara, Cheah Liek Hou yang berjaya mempertahankan gelaran juara pingat emas di Sukan Paralimpik Paris 2024, Astro Shaw membawakan kembali filem GOLD ke pawagam GSC terpilih mulai Khamis ini, 5 September, untuk tempoh terhad.

Filem GOLD telah diinspirasikan daripada kisah Cheah Liek Hou sejak kecil sehingga bergelar atlet bertaraf dunia. GOLD mengisahkan perjalanan hidup jaguh badminton para negara, Cheah Liek Hou yang menghidap penyakit saraf Erb's Palsy.

Kehilangan ayah sebagai penyokong kuatnya juga membuatkan Liek Hou hilang arah. Namun, Liek Hou bangkit semula dengan bantuan jurulatih dan pemain legenda Malaysia, Rashid Sidek.

GOLD dibintangi Jack Tan, Farid Kamil, Wan Raja, Fabian Loo, Freddie Ng, Josiah Hogan dan ramai lagi. Filem ini juga kini boleh dilanggan menerusi platform Astro saluran 480 atau On Demand dan Astro GO serta peranti pilihan anda melalui sooka.

Maklumat lanjut dan cara-cara pembelian Astro First layari www.support.astro.com.my.

The Chosen One 2024 Kembali, 16 Peserta Cilik Bakal Berentap!

Rancangan realiti yang mengasah bakat generasi baharu 'The Chosen One 2024' akan kembali bersiaran pada 20 September 2024 setiap hari Jumaat pukul 9 malam.

Seramai 16 peserta berumur daripada 11 tahun hingga 17 tahun dari seluruh Malaysia dipilih daripada uji bakat untuk berentap dalam 'The Chosen One 2024'.

8 daripada mereka yang berjaya menarik perhatian para coach selebriti ini akan dipilih sebagai pasangan dengan selebriti tersebut.

Kelapan-lapan duo ini akan bersaing di pentas utama program untuk merebut gelaran sebagai juara.

Musim kedua ini mengekalkan figura legenda rock Malaysia, Dato' Awie sebagai juri tetap, bersama dengan penyanyi bersuara 'emas' yang telah menggenggam banyak anugerah, Jaclyn Victor.

Setiap episod turut diterajui oleh gandingan hos baharu, pelawak dan pelakon popular, Jihan Muse sebagai pengacara program, serta personaliti radio ERA, Haziq Hussni.



Bintang Filem Kapla: High Council & Keluang Man Sertai Perarakan Hari Kebangsaan



Kemunculan beberapa pelakon filem Kahar: Kapla High Council semasa perarakan sambutan Hari Kebangsaan ke-67 di Dataran Putrajaya pada 31 Ogos lalu menarik perhatian pengunjung.

Antara yang mengikuti perbarisan itu ialah Amir Ahnaf yang memegang watak sebagai Kahar, Aedy Ashraf (Beja), Sky Iskandar (Megat), Thompson Goh (Li), Khenobu (Jojo), Faziq Muqrис (Zahrin) dan Fadhli Masoot (Hakeem).

Istimewanya, mereka kelihatan segak memakai t-shirt berwarna putih mengikuti perarakan Hari Kebangsaan dengan berada di atas bas KL Hop-On Hop-Off.

Selain itu, kemunculan watak superhero ikonik Malaysia, Keluang Man juga membuatkan ramai yang teruja. Ini menyaksikan penampilan pertama Keluang Man lakonan Nas Muammar Zar muncul bersama sut rasmi di hadapan khalayak ramai.


Untuk rekod, Putrajaya sebelum ini menjadi lokasi sambutan Hari Kebangsaan pada tahun 2003, 2005, 2018 dan 2019.

Times24 Malaysia Eases Klang Valley Parking Problems with Smart Solutions

Times24 Malaysia is tackling parking issues in the Klang Valley by transforming unused land into convenient parking spaces. By using technology and data, the company helps drivers find spots more efficiently, reducing traffic congestion in high-demand areas.

The company works with property owners to create parking lots in strategic locations such as business districts and transportation hubs. This collaboration maximizes the use of idle land, offering both landowners and drivers a practical solution while promoting better urban planning.

In addition to creating more parking, Times24 focuses on sustainability by incorporating eco-friendly features like electric vehicle charging stations and cashless payment systems. Their efforts not only ease parking challenges but also contribute to modern urban development and convenience for drivers.



Inside Scoop Collaborates with Local Brands for New Merdeka-Themed Ice Cream Flavors

Inside Scoop has introduced its Lokal Legends range, offering limited-edition ice cream flavors in collaboration with well-known Malaysian brands like Beryl's, Secret Recipe, and Farm Fresh. These flavors celebrate Merdeka by combining popular local treats with Inside Scoop's signature ice cream, creating a unique experience for Malaysians.

The flavors include Beryl's Tiramisu Almond Chocolate, Farm Fresh's Choco Malt, and Secret Recipe's Chocolate Indulgence. The reviewer favored the Chocolate Indulgence, which features a blend of chocolate sponge cake and creamy custard ice cream.

These special flavors are available at Inside Scoop outlets until September 16, 2024.

